

Pemeteraian Perjanjian bakal jadikan Malaysia hab digital utama di rantau ASEAN

# CFA jana pelaburan cecah RM15 bilion

Oleh LUQMAN RIDHWAN  
MOHD. NOR

**PUTRAJAYA** – Pemeteraian Perjanjian Kontrak Berpusat Pengkomputeran Awan (CFA) antara kerajaan dengan empat syarikat panel penyedia perkhidmatan awan (CSP) dan pembekal perkhidmatan profesional (MSP) dijangka membuka potensi pelaburan dalam negara bernilai RM12 bilion hingga RM15 bilion menjelang 2025.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pemeteraian CFA itu adalah bermatlamat untuk memperkasa MyGovCloud khususnya dalam penyediaan perkhidmatan Public Cloud.

Beliau memberitahu, CFA itu dimeterai antara kerajaan dengan CSP berserta MSP iaitu syarikat penyedia perkhidmatan Cloud Bumiputera tempatan lantikan CSP berkenaan.

"Kontrak CFA bersama-sama kerajaan, CSP dan MSP melibatkan empat syarikat CSP iaitu Amazon Web Services Malaysia Sdn. Bhd., Google Cloud Malaysia Sdn. Bhd., Microsoft (Malaysia)



**DR. YUSOF** (depan, kiri) melakukan pertukaran dokumen CFA dengan **Country Manager, Malaysia Public Sector Amazon Web Services (AWS)**, **Chuah Seng Heng** (depan, kanan) sambil disaksikan **Ismail Sabri** (tengah) di **Hotel Zenith, Putrajaya** semalam.

Sdn. Bhd. dan Telekom Malaysia Sdn. Bhd. dan Telekom Malaysia Berhad.

"Empat syarikat MSP pula terdiri daripada Cloud Connect Sdn. Bhd., Enfrasy Solutions Sdn. Bhd., Radmik Solutions Sdn. Bhd. dan Awantec System Sdn. Bhd.," katanya dalam satu kenyataan di

sini semalam.

Terdahulu, beliau hadir menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen CFA antara kerajaan dengan CSP dan MSP di Hotel Zenith di sini semalam.

Hadir sama ialah Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Za-

frul Tengku Aziz; Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAM-PU), Datuk Seri Dr. Yusof Ismail dan Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd. Zuki Ail.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pelaburan itu akan men-

jadi 'tulang belakang' kepada pembentukan sebuah ekosistem digital yang mampan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lestari, sekali gus bakal menjadikan Malaysia sebagai hab digital utama di rantau ASEAN.

Katanya, perkhidmatan Pusat Data Sektor Awam (PDSA) telah dinaikkan taraf kepada perkhidmatan Pengkomputeran Awan (Cloud) khusus untuk kegunaan seluruh agensi kerajaan.

Sehubungan itu, kerajaan memperkenalkan perkhidmatan bersepadu dikenali sebagai MyGovCloud yang menggabungkan perkhidmatan MyGovCloud@PDSA dan Public Cloud oleh CSP.

"Inisiatif MyGovCloud seiring dengan Inisiatif Kelima di bawah Teras 1 Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) yang menyasarkan 80 peratus penggunaan storan Pengkomputeran Awan merentas sektor awam pada tahun ini.

"Ia bertujuan memacu transformasi digital sektor awam secara holistik yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi digital dan agenda pendigitalan ke seluruh negara," katanya.

**KOSMO**  
**SELASA 10 MEI 2022 (M/S 3)**